

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 12/2023

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhamad Shahrudin

March to October 2023

PEMBELIAN TANPA ATAU DENGAN WANG DEPOSIT, YANG MANA SATU LEBIH MENGUNTUNGKAN PEMBELI?

Ditulis oleh: Wan Mohd Rizlan Wan Idris & Siti Nafisah Md Rashid

Setiap individu yang berkerjaya pasti mempunyai keinginan untuk memiliki aset sama ada dalam bentuk tanah, kenderaan mahu pun rumah. Pembelian aset-aset ini bukanlah suatu pelaburan dan perbelanjaan yang kecil, bahkan ia mendorong seseorang individu untuk berhutang dengan cara membuat pinjaman daripada institusi perbankan. Sebagai pembeli, anda perlu membuat perancangan kewangan yang rapi bagi memastikan pendapatan bulanan yang diterima dapat diperuntukkan sebaik mungkin, di samping mengetahui kemampuan anda untuk membayar hutang-hutang tersebut.

Kebiasaannya, kebanyakan syarikat jualan kenderaan, ejen harta tanah atau pemaju perumahan akan mewajibkan pembeli untuk menyediakan duit pendahuluan terlebih dahulu. Sebagai contoh, jika anda ingin membeli rumah teres setingkat berharga RM 300000, maka anda perlu menyediakan sekurang-kurangnya 10% deposit daripada harga rumah berkenaan. Walau bagaimanapun, terdapat juga sesetengah syarikat jualan yang tidak mewajibkan

pembeli untuk menyediakan wang pendahuluan.

Sebagai contoh ada syarikat jualan kenderaan yang menyediakan kemudahan pembelian kereta tanpa deposit, terutamanya kepada graduan muda yang baru memulakan karier setelah tamat pengajian di universiti. Justeru sebagai pembeli, anda boleh membuat sedikit pengiraan bagi membandingkan komitmen bulanan yang perlu dibayar, sekiranya sesuatu aset itu dibeli dengan meletakkan sejumlah wang deposit atau tanpa deposit. Contoh yang diberikan adalah pembelian sebuah kereta Perodua Axia 1.0L X (D-CVT):

	Pembelian dengan deposit	Pembelian tanpa deposit
Harga barang (Kereta)	RM 40,000	RM 40,000
Wang Deposit (10%)	RM 4,000	-
Pinjaman Pokok = Harga barang - Wang Deposit	RM 40,000 - RM 4,000 = RM 36,000	RM 40,000
Tempoh pinjaman	9 tahun (108 bulan)	9 tahun (108 bulan)
Kadar faedah	3.5%	3.5%
Jumlah kadar faedah yang perlu dibayar untuk tempoh pembelian = Pinjaman Pokok (RM) x Tempoh pinjaman (Tahun) x Kadar Faedah (%)	RM 36,000 x 9 tahun x 3.5% = RM 11,340	RM 40,000 x 9 tahun x 3.5% = RM 12,600
(a) Perbezaan jumlah kadar faedah untuk tempoh pembelian		
	RM 12,600 - RM 11,340 = RM 1260	
Bayar bulanan (Installment) = [Pinjaman pokok (RM) + Jumlah kadar faedah (RM)] ÷ [Tempoh pembelian (Bulan)]	[RM 36,000 + RM 11,340] ÷ [108 bulan] = RM 438.33	[RM 40,000 + RM 12,600] ÷ [108 bulan] = RM 487.04
(b) Perbezaan bayaran bulanan (Installment) = RM 487.04 - RM 438.33 = RM 48.71		
Jumlah yang perlu dibayar kepada bank = Bayaran bulanan (RM) x Tempoh pembelian (bulan)	RM 438.33 x 108 bulan = RM 47,339.64	RM 487.04 x 108 bulan = RM 52,600.32
(c) Perbezaan jumlah yang perlu dibayar RM 52,600.32 - RM 47,339.64 = RM 5260.68		
Jumlah besar wang yang dibayar = Jumlah dibayar kepada bank + wang deposit	RM 47,339.64 + RM 4,000 = RM 51,339.64	RM 52,600.32
(d) Perbezaan jumlah besar wang dibayar RM 52,600.32 - RM 51,339.64 = RM 1260.68		

Jadual 1: Perbandingan pembelian kereta bersama wang deposit dan tanpa wang deposit

Daripada contoh pengiraan manual yang diberikan, terdapat sedikit sahaja perbezaan jumlah wang yang perlu dikeluarkan oleh pembeli untuk memiliki sebuah kereta Perodua Axia 1.0L X (D-CVT). Walau bagaimanapun, jumlah tersebut akan lebih ketara perbezaannya jika harga barang tersebut lebih tinggi. Formula-formula pengiraan yang diberikan boleh digunakan untuk sebarang pembelian aset-aset lain termasuklah rumah. Di samping itu, anda juga boleh menggunakan pelbagai aplikasi yang tersedia dalam laman sesawang dan media sosial bagi membuat pengiraan ansuran bulanan pinjaman secara automatik.

The screenshot shows a car loan calculator interface. The inputs are:

- Harga kereta (Car Price): RM 40,000
- Bayaran pendahuluan (Down Payment): RM 4,000
- Jangka masa pinjaman (Loan Term): 1 tahun (1 year)
- Kadar bunga (Interest): 2.00%

The results table shows the breakdown of the monthly payment:

	RM
Nilai pinjaman dengan bank	RM 36,000
Nilai bunga (Interest) atas pinjaman	RM 720
Jumlah pinjaman dengan bank (nilai pinjaman + bunga)	RM 36,720
Nilai sebenar kereta (pinjaman + bunga + deposit)	RM 40,720
Jumlah bayaran setiap bulan	RM 1,018
Tempoh pinjaman	12 Bulan

Gambar 1: Kalkulator Pengiraan Pinjaman Kenderaan



Gambar 2: Kalkulator Pengiraan Pinjaman Kenderaan dan Pinjaman Peribadi oleh Hong Leong Bank

Secara ringkas dapat disimpulkan bahawa pembelian barang bersama wang deposit sedikit sebanyak dapat mengurangkan jumlah bayaran bulanan pinjaman anda, sekali gus membolehkan anda menggunakan lebihan pendapatan yang ada sebagai simpanan bagi tujuan kecemasan.

Rujukan

<https://myrakan.com:8443/misc/car.php>

<https://www.hlb.com.my/ms/personal-banking/loans/motor-loan/auto-loans.html#loan-calculator>